



# Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA  
MALAYSIAN RUBBER BOARD

**Kepada** : Warga LGM  
**Daripada** : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia  
**Rujukan** : LGM/KP/KUPSM/027  
**Tarikh** : 31 Oktober 2025

## KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BILANGAN 19 TAHUN 2025

### GARIS PANDUAN ETIKET PAKAIAN DAN PENAMPILAN PEGAWAI DAN PEKHIDMAT LEMBAGA GETAH MALAYSIA

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan Bil 14/2025 telah bersetuju meluluskan Garis Panduan Etiket Pakaian dan Penampilan Pegawai dan Pekhidmat Lembaga Getah Malaysia (LGM).
3. Sehubungan itu, Pegawai dan Pekhidmat LGM hendaklah memberi perhatian terhadap perkara ini kerana kegagalan mematuhi garis panduan ini boleh menyebabkan pegawai dan pekhidmat diambil tindakan di bawah Akta 605 - Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 200.
4. Sebarang pelanggaran etika hendaklah dibuat teguran oleh Ketua Jabatan sebagaimana kaedah berikut:
  - (a) Kali pertama – amaran secara lisan
  - (b) Kali kedua – amaran secara bertulis untuk rekod Bahagian/Unit
  - (c) Kali ketiga dan seterusnya – melaporkan kepada Unit Intergriti untuk tindakan disiplin selanjutnya
5. Bersama-sama ini dilampirkan Garis Panduan Etiket Pakaian dan Pakaian dan Penampilan Pegawai dan Pekhidmat Lembaga Getah Malaysia (LGM) untuk rujukan. Garis panduan ini adalah **berkuat kuasa mulai 01 November 2025**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”

(EMILIA BINTI KASSIM)